



4 Julai 2006 (Selasa)

Bawa ke Ketua Audit Negara tuntutan baru Gerbang

KUALA LUMPUR 3 Julai - Dakwaan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berhubung tuntutan baru syarikat Gerbang Perdana Sdn. Bhd. (GPSB) sebanyak RM360 juta sebagai pampasan pembatalan pembinaan jambatan di Tambak Johor perlu dibawa ke Pejabat Ketua Audit Negara. Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Shahrir Samad berkata, ia perlu disiasat secara terperinci oleh pejabat tersebut termasuk rekod bayaran pampasan terdahulu bagi menyemak kewajaran tuntutan syarikat terbabit.

“Saya tidak dapat mengulas lanjut tentang perkara ini sebelum mendapat laporan daripada Pejabat Ketua Audit Negara. “Saya hanya mengetahui berita ini daripada surat khabar. Urusan pembayaran pampasan adalah tugas Kementerian Kerja Raya,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini. Semalam, Samy Vellu berkata, GPSB membuat tuntutan baru iaitu sebanyak RM360 juta daripada angka asal kira-kira RM100 juta sebagai pampasan pembatalan projek jambatan di Tambak Johor.

“Permintaan mereka (GPSB) sekarang ialah RM360 juta. Tetapi mereka tidak boleh hanya minta sahaja, mereka perlu beri dokumen lengkap tuntutan pampasan,” katanya. Samy Vellu kemudian mengarahkan syarikat tersebut mengemukakan dokumen tuntutan lengkap kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) sebelum 11 Julai ini. Bulan lepas, PAC meminta Kementerian Kerja Raya berunding semula dengan GPSB untuk mengurangkan tuntutan pampasan RM100 juta berhubung pembatalan projek menggantikan Tambak Johor itu.

Ketika ditanya sama ada PAC akan mengadakan mesyuarat tergempar bagi membincangkan isu pampasan tersebut, Shahrir berkata, ia tidak perlu dilakukan. “Adakah ini melibatkan persoalan hidup dan mati? Kita akan membincangkan perkara itu pada mesyuarat bulanan 20 Julai depan,” ujarinya. Bagaimanapun, kata Shahrir, pihaknya tidak mempertikaikan kos pembinaan jejambat bagi menghubungkan Tambak Johor dengan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) baru yang dikatakan agak tinggi. Ini kerana, katanya, PAC dimaklumkan kos pembinaannya yang dianggarkan RM5,000 bagi satu meter persegi adalah sama dengan kos pembinaan jalan raya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA).

Pembinaan jejambat lapan lorong sejauh 800 meter itu diberikan kepada GPSB melalui rundingan terus dan merupakan sebahagian daripada pakej pampasan bagi pembatalan projek jambatan indah.